

BAB II

REVIEW PENYELIDIKAN YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Kajian tentang penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sudah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Antara kajian-kajian itu terdapat beberapa kajian yang berupa kertas kerja yang dilakukan semata-mata untuk memenuhi objektif seminar. Antaranya ialah *Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia* yang berjaya menghasilkan beberapa kertas kerja seperti yang ditulis oleh Abd.Rahman Hanafiah (1990), Ahmad Othman (1990), Mhd.Amin Arshad (1990), Othman Puteh (1990), Rahman Shaari (1990), Safiah Osman (1990) dan Taha Abd.Kadir (1990). Selain itu, terdapat kajian-kajian yang dianggap ilmiah kerana berdasarkan disiplin-disiplin kajian yang harus dilakukan secara saintifik dan empirikal. Kajian-kajian yang bersifat saintifik dan empirikal terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah yang dihasilkan oleh Mhd Amin Arshad (1988), Roshani Abdullah (1992), dan Normah Ht.Karimin (1994). Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa ini merupakan tesis atau disertasi yang dikemukakan untuk mendapatkan ijazah sarjana.

2.1 Kajian Mhd Amin Arshad

Hasil-hasil kajian oleh Mhd Amin Arshad terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu hanya dua buah (1988 dan 1990).

Kajian yang pertama yang telah dilakukan oleh Mhd Amin Arshad (1988) ialah yang berjudul *Satu Kajian Mengenai Permasalahan Penggunaan Bahan Kesusasteraan Melayu Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia Di Tingkatan 4*. Kajian ilmiah ini ialah tesis Master Sains (PBMP). Dalam tesis ini, beliau telah menghuraikan permasalahan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM di tingkatan 4.

Kajian tersebut terbahagi kepada lima bab. Bab I membincangkan pendahuluan yang merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Dalam bab ini, beliau telah menjelaskan bahawa sebanyak 26 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan seramai 105 orang guru yang mengajar di sekolah-sekolah itu terlibat dalam kajian tersebut. Jelasnya lagi, kajian itu dilakukan adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, terutama dari segi tujuan

penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, penentuan objektif khusus pengajaran aspek-aspek kemahiran BM menggunakan bahan KM, pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, kekerapan aktiviti pengajaran aspek-aspek kemahiran BM menggunakan bahan KM dan bentuk soalan penilaian menggunakan bahan KM dalam pengajaran BM.

Bab II pula memuatkan kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahan kesusasteraan dalam pengajaran bahasa yang secara langsung dan tidak langsung berguna sebagai kerangka teoretis bagi menghuraikan permasalahan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM.

Dalam Bab III tesis itu, dijelaskan bahawa untuk mendapatkan maklumat tentang permasalahan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, rekabentuk dan prosedur penyelidikan yang digunakannya ialah tinjauan dan penyelidikan kepustakaan, termasuk cara-cara penyelidikan dan contoh (sampling). Di samping itu, dijelaskan bahawa penganalisan data dibuat dengan menggunakan kaedah SPSS (Statistical Package of Social Sciences).

Manakala dalam Bab IV pula, telah dimuatkan hasil analisis dan perbincangan tentang permasalahan

penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM. Permasalahan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM dibincangkan di bawah tajuk-tajuk yang meliputi butir-butir responden, masalah tujuan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, masalah kekerapan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, masalah pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, masalah kekerapan aktiviti pengajaran aspek-aspek kemahiran BM menggunakan bahan KM dan masalah penyediaan bentuk soalan penilaian menggunakan bahan KM dalam pengajaran BM.

Dalam tesis itu, beliau mendapati bahawa guru-guru tidak mempunyai tujuan yang sama tentang penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM. Jelasnya, 60% daripada guru-guru yang dikajinya berpendapat bahawa penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM adalah untuk pengayaan dan pengukuhan kemahiran bahasa pelajar, 21.9% pula berpendapat bahawa penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM adalah untuk mempelbagaikan bahan pengajaran, manakala 17.1% lagi berpendapat bahawa penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM adalah untuk apresiasi dan penikmatan dan baki 1% daripada responden yang dikaji menyatakan bahawa penggunaan bahan KM adalah untuk melatih pelajar membaca, memahami dan menulis (Roshani Abdullah, 1992: 42).

Dalam tesis itu juga dijelaskan bahawa dari segi objektif pengajaran, didapati guru lebih memberi penekanan kepada objektif khusus, iaitu kemahiran pembacaan dan pemahaman bahan KM berbanding dengan kemahiran lisan dan penulisan. Seterusnya, didapati bahawa majoriti guru yang dikaji yang menggunakan bahan KM dalam pengajaran kemahiran bacaan dan pemahaman hanya membataskan skop pembelajaran mereka kepada pemahaman dan pengesanan isi-isi penting tanpa memberi penekanan kepada aspek melatih pelajar agar mengenalpasti pelbagai laras bahasa yang terdapat dalam bahan KM yang digunakan. Kajian itu menjelaskan bahawa wujudnya keadaan tersebut disebabkan oleh guru terlalu bergantung kepada bentuk latihan pemahaman yang terdapat dalam buku teks sehingga guru kurang memberi perhatian kepada aspek pengayaan dan pengukuhan bahasa melalui penggunaan bahan KM yang mempunyai pelbagai laras bahasa.

Hasil dapatan tesis itu juga menunjukkan bahawa 45.7% guru yang dikaji telah memilih bahan KM semata-mata untuk memenuhi kehendak peperiksaan dan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran. Manakala 54.3% lagi memilih bahan KM dalam pengajaran BM adalah untuk menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih aktif (Mhd Amin Arshad, 1988: 100).

Kajian yang dilakukan oleh Mhd Amin Arshad menjelaskan bahawa terdapat masalah penyesuaian bahan KM dengan objektif pengajaran BM untuk pengayaan dan pengukuhan bahasa pelajar-pelajar di kalangan guru yang dikaji (Ibid.: 104). Daripada 105 orang guru yang dikaji, 70.5% mengatakan bahawa bahan KM yang digunakan dalam pengajaran BM perlu disesuaikan dengan objektif pengajaran bahasa, manakala 29.5% pula mengatakan bahan KM perlu disesuaikan dengan minat, suasana pembelajaran dan kaedah pengajaran. Dengan itu, disimpulkan bahawa melalui pemerhatian yang dilakukan, didapati guru tidak pula menyesuaikan penggunaan bahan KM dengan objektif khusus pengajaran BM sebaliknya menggunakan bahan KM yang ada dalam buku teks tanpa mengolah dan menyesuaikan dengan peringkat kebolehan pelajar yang berbeza-beza.

Berhubung dengan kekerapan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM, kajian itu mendapati bahawa guru yang dikaji lebih kerap menggunakan bahan KM untuk kemahiran membaca dan memahami berbanding dengan kemahiran lisan dan penulisan.

Akhirnya hasil dapatan dalam Bab 4 itu mendapati bahawa soalan penilaian yang menggunakan bahan KM dalam pengajaran BM yang dikemukakan oleh guru kepada pelajar kurang membantu untuk meningkatkan kemahiran

berfikir pelajar. Kajian itu menjelaskan bahawa 43.8% daripada guru-guru yang dikaji menggunakan soalan perbincangan, manakala 56.2% lagi menggunakan bentuk soalan konteks, penghuraian dan soalan-soalan lain (Ibid : 125). Oleh sebab itu, kajian itu membuat kesimpulan bahawa penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa pelajar (Ibid: 127).

Dalam Bab V, beliau telah mengemukakan beberapa kesimpulan dan cadangan sebagai usaha untuk mengatasi permasalahan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM di tingkatan 4. Beliau telah menjelaskan bahawa dalam kajian itu perbincangannya dibataskan kepada masalah-masalah yang wujud sahaja tanpa menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya setiap masalah itu. Tambahnya lagi, walaupun bahan KM telah lama diperkenalkan dan digunakan dalam pengajaran BM, namun bahan-bahan itu masih tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru secara berkesan, khususnya untuk menyampaikan aspek-aspek kemahiran bahasa.

Dalam tesis itu, antara beberapa cadangan menarik yang dikemukakannya ialah guru-guru perlu diberikan penjelasan dan panduan tentang objektif khusus pengajaran aspek-aspek kemahiran bahasa yang menggunakan bahan KM. Tegasnya lagi, dengan adanya

panduan, guru akan dapat menentukan objektif khusus pengajaran dan langkah-langkah penyampaian yang lebih berkesan agar bahan-bahan KM dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam pengajaran BM kerana beliau berpendapat bahawa pada masa ini panduan seperti itu belum ada lagi. Bahkan katanya, seseorang guru itu tidak harus bergantung semata-mata kepada buku teks dan mengajar bahasa hanya untuk tujuan lulus peperiksaan sehingga menjejaskan pencapaian kemahiran berbahasa sebagai satu tingkah laku sosial dalam masyarakat. Untuk tujuan itu, jelasnya lagi guru perlu membezakan laras-laras sosial yang wujud dan melatih pelajar-pelajar menggunakannya dalam situasi yang berlainan kerana dengan cara itu, pelajar-pelajar dapat menggunakan bahasa yang baik dan sesuai mengikut konteks dan situasi. Misalnya melalui pelajaran lakonan atau drama dalam pengajaran BM, pelajar-pelajar dapat dilatih menggunakan bahasa yang berbudaya kerana dalam bahasa juga terdapat unsur gerak laku (gesture). Dengan cara itu, pelajar-pelajar dapat dilatih menggunakan gerak laku atau perlakuan yang sesuai mengikut konteks budaya penutur jati BM.

Di samping itu, latihan perguruan mestilah lebih menekankan penerapan dasar-dasar bahasa dan pendedahan pendidikan bahasa dalam bidang-bidang yang lain daripada bahasa. Bahkan katanya, guru yang mengajar BM

mesti menguasai tata bahasa dan laras bahasa yang sesuai dengan bidang yang diajarkan.

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam tesis itu merupakan langkah-langkah yang patut diambil oleh pihak yang terlibat secara langsung dengan perancangan kurikulum seperti Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru dan juga pihak yang terlibat dengan pengajaran, iaitu guru yang mengajar BM di sekolah menengah agar dapat memperbaiki tahap penggunaan bahan KM yang sedia ada dan membantu pengajaran kemahiran bahasa yang lebih menyeluruh.

Seperkara lagi, dalam tesis itu ada dinyatakan bahawa kajian itu setidak-tidaknya dapat dijadikan landasan atau dasar kepada para pengkaji yang berminat untuk mengkaji penggunaan bahan-bahan dalam pengajaran BM. Lagipun kajian-kajian selanjutnya tentang aspek penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM masih perlu dilakukan bagi mengelakkan penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak dapat menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih aktif atau yang tidak dapat mempertingkatkan kemahiran berbahasa pelajar-pelajar yang lebih menyeluruh dan perlu dalam kehidupan bermasyarakat (1988: 139). Akhirnya dalam tesis itu, beliau telah

melampirkan dua jenis borang soal selidik, iaitu soal selidik untuk guru dan soal selidik untuk pelajar serta borang pemerhatian penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM.

Kajian yang kedua oleh Mhd Amin Arshad (1990) ialah yang bertajuk "Penggunaan Bahan Sastera (Prosa) Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia KBSR dan KBSM" (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia). Dalam kertas kerja itu, beliau berpendapat bahawa pentingnya bahan sastera dalam membantu untuk meningkatkan penguasaan BM memang tidak perlu dipertikaikan lagi (1990: 1). Beliau telah mengetengahkan hasil kajian yang dilakukan oleh Juriah Long dan Noor Zaliha Pandak Abd. Jalal (1990) yang menunjukkan bahawa pelajar yang diajar melalui Pendekatan Bersepadu yang menggunakan bahan sastera didapati dalam karangan mereka terdapat lebih banyak penggunaan pola ayat yang kompleks dengan betul berbanding dengan pola ayat yang lain.

Dalam kertas kerja itu, beliau menielaskan yang menjadi skop perbincangan bahan sastera ialah cerpen dan novel. Ditegaskan pengesyorannya bahawa cerpen dan novel digunakan hanya pada tahap II kerana pada tahap itu penekanan diberi kepada kemahiran belajar melalui pembacaan, perbincangan, penulisan, dan penggunaan

bahasa untuk berfikir dan berkomunikasi (Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Randah, 1983: 1). Selain itu, yang diajukkan dalam pengajaran aspek-aspek kemahiran BM KBSR dan KBSM yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kecekapan berbahasa ialah yang berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif pengajaran yang tercatat dalam sukatan pelajaran. Ditegaskannya bahawa dalam perancangan aktiviti, cerpen digunakan sebagai contoh perbincangan.

Selanjutnya, perkara kedua dalam kertas kerja itu ialah beliau mendapati bahawa berdasarkan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pendidikan BM KBSR dan KBSM, maka pada pendapatnya bahan-bahan sastera adalah sesuai digunakan untuk mencapai beberapa tujuan. Yang pertama, bahan sastera sesuai digunakan untuk pengajaran aspek-aspek kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Di samping itu, bahan itu juga boleh digunakan dalam pengajaran tatabahasa. Yang kedua, bahan sastera juga boleh digunakan untuk mengayakan dan mengukuhkan bahasa pelajar, di samping menanam kesedaran pelajar terhadap unsur-unsur dan nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan ilmu dan hasil sastera (Sukatan Pelajaran BM Sekolah Menengah, 1987: 1).

Perkara ketiga yang dimuatkan dalam kertas kerja itu ialah kriteria pemilihan bahan sastera dalam pendidikan BM. Beliau menyenaraikan lima kriteria yang dapat digunakan dengan berkesan dalam pendidikan BM. Antaranya ialah bahan sastera yang digunakan perlulah dipilih dan disampaikan dengan berdasarkan prinsip penggabungjalinan kemahiran-kemahiran bahasa. Selain itu, bahan sastera yang dipilih perlulah sesuai dengan kebolehan dan minat pelajar, sesuai dengan alat bantu mengajar, dan sesuai dengan strategi, kaedah dan teknik pengajaran.

Yang keempat ialah perbincangan tentang aktiviti yang berkesan yang mesti dirancang oleh guru Bahasa Melayu bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar. Antaranya ialah aktiviti mencari isi-isi penting, memahami urutan isi, membuat ramalan, membuat kesimpulan, latihan bercerita, dan aktiviti pengajaran tatabahasa secara tidak formal.

Kertas kerja itu akhirnya diakhiri dengan kesimpulan. Antaranya yang dijelaskan ialah objektif penggunaan bahan sastera dalam pendidikan BM boleh tercapai andaikata pemilihan dan penyesuaiannya menepati faktor-faktor tersebut, misalnya objektif pengajaran, tahap kebolehan bahasa dan minat pelajar.

2.2 Kajian Roshani Abdullah

Kajian yang telah dilakukan oleh Roshani Abdullah (1992) yang berjudul *Penggunaan Novel Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan II Di Beberapa Buah Sekolah Di Daerah Petaling* (disertasi Sarjana Pendidikan) ialah kajian yang ilmiah. Dalam disertasi itu, beliau telah menjelaskan bahawa tujuan penyelidikan tentang penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk mengetahui keadaan pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan novel di beberapa buah sekolah di Daerah Petaling.

Kajian itu mempunyai lima bab. Bab 1 ialah bab pengenalan yang mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, kepentingan kajian, dan takrifan istilah penting.

Dalam Bab 2, iaitu bab tentang tinjauan kajian dan penulisan yang berkaitan, beliau telah menyokong dan mengemukakan pendapat daripada beberapa orang tokoh tempatan dan luar negeri yang menjelaskan fungsi, hubungan, kepentingan, dan sebab-sebab bahan sastera dimasukkan ke dalam pengajaran bahasa, kriteria pemilihan bahan sastera dalam pengajaran bahasa, dan perancangan pendekatan dan penggunaan bahan kesusasteraan dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Dalam Bab 3 disertasi itu, beliau menjelaskan bahawa penyelidikan yang dijalankannya itu adalah dalam bentuk kajian kes, iaitu dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan soal selidik. Kaedah temubual hanya melibatkan tujuh orang guru Bahasa Melayu Tingkatan II di empat buah sekolah yang dipilih yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu di kelas masing-masing. Manakala kaedah pemerhatian pula telah dilakukannya sebanyak tiga kali bagi setiap orang guru terhadap pengajaran masing-masing. Seterusnya, beliau telah menjelaskan kaedah yang terakhir ialah kaedah soal selidik. Seramai 240 orang pelajar telah mengisi borang soal selidik hanya setelah mereka mengikuti tiga kali pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan novel.

Bab 4 disertasi itu membincangkan hasil kajian yang menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu kurang pengetahuan dan pemahaman tentang objektif dan matlamat pendidikan Bahasa Melayu menggunakan novel. Selain itu, kajian itu menjelaskan bahawa guru-guru yang dikaji didapati kurang berupaya untuk mengadakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pencapaian objektif untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Bahkan terdapat juga guru yang tidak dapat menghayati keistimewaan yang

terkandung di dalam novel. Akibatnya mereka tidak dapat mendorong penghayatan pelajar. Dengan itu, penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu dilaksanakan sama seperti penggunaan bahan lain. Di samping itu, kajian itu juga menjelaskan bahawa pihak guru dan pentadbir sekolah didapati kurang mendapat pendedahan tentang penggunaan novel dalam pengajaran bahasa. Oleh sebab itu, pelaksanaan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu tidak dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Disertasi itu juga mendapati bahawa sambutan pelajar terhadap penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu pada keseluruhannya adalah menqgalakkan. Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang meragui perkaitan antara penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan peningkatan penguasaan kemahiran bahasa mereka.

Seperkara yang menarik dalam kajian itu ialah penegasannya bahawa kajian itu menyokong dapatan kajian yang terdahulu dan mengesahkan bahawa guru kurang diberi pendedahan, bimbingan serta sokongan untuk menjayakan pelaksanaan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, ditegaskan juga bahawa dapatan kajian itu juga menyokong dapatan tentang kepentingan penggunaan novel dalam pengajaran

Bahasa Melayu dari segi peningkatan penguasaan bahasa pelajar.

Dalam Bab 5 disertasi itu mengandungi beberapa rumusan, implikasi dan cadangan untuk penyelidikan seterusnya. Antara rumusan yang dikemukakan ialah guru Bahasa Melayu kurang pengetahuan dan pemahaman tentang objektif dan matlamat pendidikan Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, guru Bahasa Melayu tidak dapat memahami, menterjemah dan menghayati objektif dan matlamat pengajaran Bahasa Melayu. Bahkan, kekurangan itu menyebabkan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu diimplimentasikan sama seperti penggunaan bahan bukan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian itu menjelaskan bahawa guru Bahasa Melayu tidak dapat memanfaatkan keistimewaan yang ada pada novel untuk mempelbagaikan aktiviti bagi meningkatkan imaginasi dan daya kreativiti pelajar. Dengan itu, matlamat untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa pelajar melalui penggunaan novel tidak dapat dicapai.

Selain rumusan itu, kajian tersebut juga menyimpulkan guru Bahasa Melayu sebagai tidak mempunyai tahap penguasaan konsep-konsep baru yang memuaskan, iaitu yang berhubung dengan perubahan-perubahan dan penekanan-penekanan dalam KBSM. Bahkan ditegaskan juga bahawa guru Bahasa Melayu tidak

berupaya memenuhi strategi pengajaran dan pembelajaran kerana tiada kecekapan dalam pengendalian keseluruhan pengajaran secara berkesan. Seperkara lagi, kajian itu merumuskan bahawa aspek penilaian yang terancang dan berstruktur tidak dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu yang dikaji kecuali aspek penilaian yang tidak terancang dan tidak berstruktur.

Dalam disertasi yang dilakukan oleh Roshani Abdullah (1992: 205) itu bukan sahaja guru-guru Bahasa Melayu yang dirumuskannya sebagai mempunyai kekurangan tetapi kekurangan juga berlaku di pihak pentadbir. Antaranya, pentadbir dirumuskan sebagai kurang berpengetahuan tentang penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana kurang pendedahan. Selain itu, pentadbir disimpulkan sebagai kurang peka terhadap kepentingan membuat perancangan awal dan berterusan bagi menjayakan pelaksanaan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu, dan kurang peka akan kepentingan pencerapan terhadap pengajaran guru dari segi pengetahuan dan keupayaan guru mengendalikan pengajaran dalam bilik darjah.

Kajian itu juga merumuskan kekurangan guru Bahasa Melayu itu mempunyai pertaliannya dengan kelemahan yang ada pada pihak Biro Buku Teks. Hal itu kerana pihak Biro Buku Teks tidak menyenaraikan novel sebagai

buku yang dibekalkan kepada pihak sekolah dan tidak memasukkannya ke dalam senarai buku pinjaman.

Dalam disertasi itu, antara implikasi yang disenaraikannya ialah yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya PPK dan BPG, BBT, JPN dan PPD, dan IPT. Selain itu ialah yang melibatkan pihak pengarang dan penerbit dengan pihak sekolah. Oleh itu, untuk merealisasikan penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu, kajian itu menyarankan penstrukturan semula program latihan perguruan serta maklumat tentang penggunaan novel dalam pengajaran Bahasa Melayu disebarluaskan serta didedahkan kepada pihak pentadbir, guru Bahasa Melayu dan pihak tersebut.

Seterusnya, antara cadangan yang disarankan dalam disertasi itu ialah cadangan untuk penyelidikan lanjutan. Misalnya kajian yang melibatkan sampel yang besar serta tempoh kajian yang lebih panjang yang bersesuaian dengan objektifnya, dan yang mendalam.

Akhirnya dalam disertasi itu, Roshani Abdullah telah memasukkan beberapa lampiran yang berkaitan dengan senarai judul buku bacaan sastera yang sesuai bagi Tingkatan II bagi mata pelajaran BM, dan lampiran yang berkaitan dengan soal selidik yang mengandungi beberapa soalan yang perlu dijawab oleh pelajar.

2.3 Kajian Normah Hj.Karimin

Kajian yang dilakukan oleh Normah Hj.Karimin (1994) ialah yang berjudul *Pemilihan Dan Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Peringkat Menengah Atas, KBSM*. Kajian ilmiah itu ialah tesis Master Sains. Dalam tesis itu, beliau telah menghuraikan bahawa kajian tentang pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah atas, KBSM, perlu dijalankan memandangkan kepentingan bahan tersebut sama ada untuk pengajaran Bahasa Melayu terutama dalam konteks KBSM kini atau untuk kalangan guru bagi membuat pemilihan dan penggunaan bahan tersebut dalam pengajaran Bahasa Melayu terutamanya di peringkat menengah atas.

Dalam kajian itu ada ditegaskan bahawa tujuannya adalah untuk mencari maklumat-maklumat yang menyebabkan timbulnya masalah dalam pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah atas, KBSM.

Tesis yang dihasilkan oleh Normah Hj. karimin itu mempunyai lima bab. Bab pertama adalah tentang pendahuluan. Dalam bab ini dijelaskan bahawa subjek

kajian terdiri daripada 114 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di Tingkatan 4 dan 5, dan 114 orang pelajar Tingkatan 5 yang dipilih daripada 22 buah sekolah menengah di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Dalam Bab 2 tesis itu dijelaskan bahawa ada banyak perkara yang boleh dibincangkan yang berkaitan dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Namun pendekatan yang diambilnya untuk Bab 2 ialah memilih beberapa perkara yang dirasanya lebih sesuai dan lebih mengarah kepada skop kajian, iaitu konsep motivasi, teori motivasi dan kaitannya dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu, model tingkah laku dan kaitannya dengan pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran, kerangka konseptual untuk pemilihan dan penggunaan bahan sastera bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, karya dan kajian tentang bahan sastera di luar negara, dan karya dan kajian tentang bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Malaysia. Dalam Bab 2 ini juga telah ditegaskan bahawa faktor motivasilah yang mempengaruhi pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran BM di PMA KBSM (Normah Hj.Karimin, 1994: 33 dan 37). Walau bagaimanapun, tentang model komunikasi guru-pelajar yang menjadi asas pegangan dan pendekatan tesis itu

jelas menampakkan pendirian yang kurang menyakinkan.

Bab 3 tesis yang dibicarakan ini ialah bab tentang kaedah dan prosedur penyelidikan. Dalam tesis ini didapati ada dua kaedah yang telah digunakan untuk mengumpulkan data, iaitu soal selidik dan temubual. Berkaitan dengan borang soal selidik, tesis ini menjelaskan penggunaannya semata-mata untuk mendapatkan maklumat tentang profil guru, minat guru terhadap bahan sastera, pengalaman guru, pengetahuan guru terhadap sastera, profil pelajar, minat pelajar terhadap bahan sastera, dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah atas, KBSM.

Dalam tesis ini, teknik temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah atas, KBSM.

Walau bagaimanapun, tesis ini juga menjelaskan bahawa data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis univariat, bivariat dan multivariat. Selain itu, teknik deskriptif dan analitikal digunakan untuk tujuan tersebut.

cerpen. Namun begitu, kajian itu merumuskan bahawa pemilihan dan penggunaan yang dibuat oleh guru didapati tidak menggalakkan, jika dilihat kepada senarai yang begitu banyak. Di samping itu, hasil kajian yang diperolehi bagi pemilihan dan penggunaan BST oleh guru dan pelajar, jelas terdapat masalah yang berlaku bagi guru-guru dan pelajar dalam membuat pemilihan dan penggunaan bahan tersebut. Oleh yang demikian, kajian itu menyarankan agar senarai yang ada perlu dikaji semula (Ibid.: 80).

Penemuan yang lain dalam tesis itu menunjukkan pihak sekolah mesti memainkan peranan dalam memastikan apa jua saranan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan dengan sewajarnya. Selain itu, senarai bahan sastera yang disarankan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu perlu dikaji semula untuk disusun mengikut kesesuaian tahap pelajar dan membuat suatu garis panduan tentang penggunaan bahan sastera tersebut mengikut kewajarannya dalam pengajaran aspek-aspek bahasa.

Penemuan kajian itu juga memberikan maklumat bahawa guru-guru Bahasa Melayu perlu mempunyai minat terhadap bahan sastera, pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan pengetahuan tentang aspek-aspek sastera bagi memastikan mereka berupaya membuat

pemilihan dan penggunaan BST yang sesuai dan tepat untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat menengah atas. Selain itu, ditegaskan bahawa pihak sekolah perlu menitikberatkan hal-hal yang berhubungan dengan kesediaan guru, kesediaan bahan pengajaran dan hal-hal yang berkaitan dengan keberkesanan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara menyeluruh.

Dalam kajian itu juga ditegaskan bahawa pada keseluruhannya, pemilihan dan penggunaan BST masih kabur di kalangan guru Bahasa Melayu. Bahkan ditegaskan juga bahawa kebanyakan guru Bahasa Melayu yang dikaji melahirkan perasaan kurang jelas tentang pendekatan dan kaedah bagaimana yang harus diajarkan tentang pengajaran BST tersebut. Selain itu, dijelaskan juga tentang permasalahan yang timbul dalam aspek pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan beberapa faktor lain, seperti faktor beban tugas guru, masalah mendapatkan bahan, sokongan pihak sekolah dan pemahaman guru sendiri tentang sesuatu ajuan yang dibuat oleh pihak PPK.

Bab 5 ialah bab yang mengandungi aspek perbincangan, kesimpulan dan cadangan. Antara yang dibincangkan yang berkaitan dengan faktor yang boleh

mempengaruhi guru untuk membuat pemilihan dan penggunaan BST dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah guru-guru Bahasa Melayu perlu mempunyai pengetahuan serta diberi pendedahan yang jelas tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Yang kedua, guru-guru Bahasa Melayu perlu mempertingkatkan kemahiran diri dengan mengikuti kursus, bengkel atau seminar yang berkaitan dengan bidang tersebut. Yang ketiga, pihak sekolah perlu memainkan peranan yang lebih serius, iaitu membeli BST untuk digunakan di kelas. Yang keempat ialah masalah beban tugas guru perlu juga diatasi supaya pengajaran guru Bahasa Melayu akan menjadi lebih berkesan. Seterusnya guru Bahasa Melayu perlu sedar hakikat bahawa bahan sastera ialah bahan yang sangat berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Ibid.: 108).

Antara kesimpulan yang diketengah oleh tesis ini ialah guru-guru yang berjaya membuat pemilihan dan penggunaan BST dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di PMA KBSM ialah yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu, yang berminat terhadap bahan sastera, dan yang mempunyai pengetahuan tentang sastera. Selain itu, pelajar yang diberi pendedahan tentang BST cenderung untuk memilih dan

menggunakannya berbanding dengan pelajar yang tidak dibimbing oleh guru.

Antara cadangan yang terkandung dalam tesis itu ialah guru-guru yang bukan opsyen Bahasa Melayu tetapi diamanahkan mengajar Bahasa Melayu perlu mengikuti kursus dalam perkhidmatan. Selain itu, disyorkan agar BST perlu diperjelaskan fungsi serta matlamat sebenarnya kepada guru Bahasa Melayu di PMA KBSM agar pemilihan dan penggunaannya dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Manakala Dewan Bahasa dan Pustaka disarankan supaya menerbitkan buku panduan tentang penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Akhirnya antara ajuan tesis itu ialah satu kajian tentang pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah perlu dilakukan dengan tujuan untuk melengkapkan maklumat-maklumat dalam bidang itu lagi.

Akhirnya dalam tesis itu telah dilampirkan dua jenis soal selidik, iaitu soal selidik untuk guru Bahasa Melayu dan soal selidik untuk pelajar. Selain itu, dilampirkan juga soalan temubual untuk guru. Manakala yang akhir sekali maklumat yang dilampirkan ialah senarai buku sastera mengikut sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV dan V KBSM.

2.4 Kajian Tempatan Lain Yang Berkaitan

Selain kajian ilmiah, iaitu tesis dan disertasi sarjana yang telah dilakukan oleh Mhd Amin Arshad (1988), Roshani Abdullah (1992) dan Normah Hj. Karimin (1994) terdapat beberapa kajian lagi yang dilakukan oleh pengkaji dan sarjana tempatan yang berkaitan dengan penggunaan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

2.4.1 Kajian Mohd. Kasim Ismail

Hasil-hasil kajian oleh Mohd. Kasim Ismail tentang penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu hanya tiga buah (1990, 1991 dan 1995).

Kajian beliau yang pertama (1990) merupakan kertas kerja dasar Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia yang berlangsung pada 6 dan 7 Oktober 1990 di Institut Bahasa Kuala Lumpur. Yang kedua ialah kertas kerja Seminar Pengajaran Kesusasteraan KBSM yang diadakan pada 9 dan 10 Mac 1991 di Universiti Sains Malaysia yang bertajuk "Pengajaran Bahasa Dalam Sastera dan Pengajaran Sastera dalam Bahasa". Yang ketiga ialah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan

Bahasa Melayu Ke-VI, 1995 di Institut Bahasa Kuala Lumpur. Tajuk kertas kerja itu ialah "Pendidikan Kesusasteraan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu".

Ketiga-tiga kertas kerja beliau itu didapati relevan. Antaranya, beliau mendapati bahawa masih ada guru-guru Bahasa Melayu yang keliru serta menganggap sama sahaja apabila mengajar *s* kecil dengan *S* besar. Ditegaskan bahawa penjelasan beliau itu bukanlah bias, tetapi yang berdasarkan pengalaman dan pemerhatian terhadap guru-guru yang mengajar *s* kecil masih juga terikat dengan tema, watak, latar dan sebagainya dalam bilik darjah (1990: 4, 1991: 4, dan 1995: 100). Ditegaskan lagi, bahawa dalam konteks itu sastera telah dilihat dari sudut yang begitu teknikal sifatnya hingga menyebabkan pengajaran menjadi kering dan kurang menarik (Ibid.).

Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa pelaksanaan KBSR (1983) dan KBSM BM (1988) ialah tanda wujudnya kesedaran nasional untuk memberikan pendidikan yang bersifat menyeluruh dan seimbang kepada setiap kanak-kanak generasi pewaris yang akan datang.

Akhirnya, beliau merumuskan bahawa penggunaan bahan sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu

perlu dilihat dalam konteks keseluruhan pendidikannya. Dengan kata lain, tegasnya, seseorang pendidik bahasa dan sastera itu bukan sahaja perlu mempunyai asas-asas keilmuan yang kukuh dalam bidang kebahasaan tetapi harus juga ditunjangi oleh ilmu-ilmu bantu lainnya khususnya kesusasteraan dan kebudayaan.

2.4.2 Kajian Safiah Osman

Kajian yang dilakukan oleh Safiah Osman (1990) yang telah dibentangkan dalam seminar dan sesuai dengan penyelidikan ini ialah yang bertajuk "Peranan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia". Beliau mendapati bahawa sastera sudah lama menjadi komponen penting dalam program bahasa (Safiah Osman, 1990: 1).

Dalam kertas kerja itu, beliau mengatakan bahawa bahan sastera jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain, terutamanya karangan biasa jenis fakta yang lebih mengutamakan kepadatan isi serta penggunaan bahasa yang tepat, kemas dan betul dari segi tatabahasa, lebih upaya memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih indah, lebih matang dan lebih imaginatif (Ibid.: 2).

Selain itu, beliau mendapati bahan sastera

seperti cerpen dan novel, akan dapat menolong pelajar mengenali karangan yang lebih panjang dan terjalin serta dapat melihat keragaman struktur ayatnya, di samping memahami sesuatu idea itu dikaitkan dengan idea yang lain. Demikian juga halnya jika gemar membaca sajak dan bentuk-bentuk puisi yang lain, pelajar itu akan dapat melihat bagaimana bahasa telah digunakan untuk melahirkan sesuatu yang membawa makna yang lengkap, padu dan harmonis, bagaimana satu baris, malah satu perkataan boleh membayangkan pemikiran yang mendalam (Ibid.: 3).

Sebagai mengakhiri pembentangan kertas kerja Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia itu, beliau merumuskan bahawa penulisan atau hasil-hasil sastera seharusnya dijadikan sebahagian penting daripada bahan untuk mengajar bahasa (Ibid.: 7).

2.4.3 Kajian Ahmad Othman

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Othman (1990) ialah yang berjudul "Kesusasteraan Dalam KBSR Dan KBSM, Kesesuaian Dan Keperluannya Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia". Kajian tersebut telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia di Institut Bahasa Kuala Lumpur.

Dalam kajian itu, beliau telah membicarakan enam perkara, iaitu peranan dan fungsi sastera, penggubalan kurikulum pendidikan dan kedudukan sastera, hubungan kesusasteraan dan bahasa, teori-teori sastera, tujuan-tujuan pendidikan sastera, dan pendekatan mengajar serta kesesuaian.

Antara yang menarik dalam kajian itu, beliau menjelaskan tiga perkara yang mungkin menimbulkan masalah terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Yang pertama ialah masalah menyediakan bahan-bahan sastera yang sesuai. Yang kedua ialah masalah kekurangan guru Bahasa Melayu yang terlatih untuk mengajar bahan sastera. Jelasnya, kini masih ramai guru yang mengajar Bahasa Melayu tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi, iaitu ada yang terlatih dalam bidang sejarah, fizik dan mata pelajaran lain, tetapi oleh sebab ketiadaan guru Bahasa Melayu di sekolah, mereka itu ditugaskan mengajar bahasa. Yang terakhir ialah sikap pelajar dan ibu bapa yang memandang dingin terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Akhirnya, beliau merumuskan bahawa banyak aspek yang perlu diusahakan. Antaranya, pemilihan bahan-bahan hendaklah daripada pelbagai jenis karya, bersesuaian dengan murid-murid sekolah rendah dan

menengah; dan kalau perlu dikumpulkan aneka bahan itu dalam sebuah antologi untuk setiap darjah dan tingkatan; kemudian latihan perlu diadakan kepada guru bahasa supaya mereka berminat dan berkemampuan mengajar hingga dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berakhlak mulia dan minat membaca. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa aspek penilaian yang dicadangkannya ialah penilaian secara sekolah, iaitu tidak di bawah kendalian pusat kerana pengetahuan tentang sastera untuk lulus peperiksaan tidak seharusnya menjadi objektif pengajaran atau pembelajaran murid. Di samping itu, ditegaskan bahawa perubahan sikap dan pengalaman nilai-nilai murni, kemantapan emosi dan kebersihan roh tidak dapat diukur dalam masa yang singkat. Beliau mengakhiri kajian itu dengan suatu persoalan yang berbunyi:

"Hasil yang ditanam akan tumbuh mungkin dengan iman yang teguh setelah berhenti sekolah kelak bukannya itu yang diharapkan?"

(Ahmad Othman, 1990 : 23)

2.4.4 Kajian Abd.Rahman Hanafiah

Kajian yang dilakukan oleh Abd.Rahman Hanafiah (1990) yang terpilih untuk tujuan ini ialah yang berjudul "Sastera Dalam Bahasa Malaysia Dan Sastera Sebagai Mata Pelajaran: Suatu Perbandingan" yang telah

dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia.

Dalam kertas kerja itu, beliau menyoroti sejarah sastera. Katanya, dalam sistem pendidikan kita sama ada sastera sebagai bahan pembelajaran bahasa atau mata pelajaran, sejarahnya sudah lama bermula. Tegasnya, pendidikan sastera sudah lama bermula, iaitu sejak sebelum perang lagi. Bahkan katanya, sastera sudah diajar kepada murid-murid sekolah Melayu, iaitu di peringkat sekolah rendah dan maktab-maktab perguruan Melayu dan juga di sekolah Inggeris hingga ke tingkatan lima (Abd.Rahman Hanafiah, 1990: 3).

Dalam kajian itu, beliau telah menyarankan kriteria pemilihan bahan sastera yang harus dihindari. Katanya, ada teks sastera yang tidak sesuai kerana sifatnya, seperti:

- a). pop - mengejar sensasi khalayak.
- b) eotis - mengkhayal darah remaja.
- c) picisan - murahan dan nipis mutu seninya.
- d) deviasi - gaya bahasa yang sifatnya menyimpang hukum tatabahasa.
- e) avant-garde - kedrastikan seperti antimoral, antisosial, antiagama dan bermacam-macam lagi.

(Ibid.: 9 - 10).

Dalam kertas kerja itu, beliau menjelaskan bahawa bahan sastera seperti prosa, puisi, resensi, kritikan dan esei sastera boleh didekati dengan pelbagai teori apresiasi terutamanya struktural. Beliau juga menjelaskan bahawa penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu hendaklah diberi penekanan kepada kefahaman, apresiasi, penghayatan dan penilaian, taakulan dan kebolehan menulis karya sastera. Manakala dari sudut yang lain pula, beliau menegaskan bahawa penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu itu berfungsi sebagai pengukuhan, pengayaan dan penguasaan bahasa. Satu aspek lagi yang ditekaskannya ialah pengajaran bahan sastera dalam Bahasa Melayu itu bukan semata-mata sebagai penguasaan dalam aspek bahasa, tetapi juga penguasaan bahasa sastera (Ibid.: 16).

Beliau juga menegaskan bahawa aspek penulisan sastera dalam Bahasa Melayu penting kerana banyak jenis karangan yang memerlukan stail sastera. Beliau telah memberikan lima contoh:

- a). menulis karangan naratif berbentuk cerita
- b). menulis karangan deskriptif berbentuk gambaran, peristiwa, suasana dan yang melukiskan perwatakan.
- c). menulis karangan berbentuk kreatif seperti menulis pengalaman, peristiwa dan khayalan.

- d). menulis karangan kreatif seperti puisi, cerpen, dialog dan drama.
- e). menulis karangan berbentuk apresiasi, ulasan, resensi, dan kritikan.

(Ibid.: 18).

Akhir sekali beliau mengakhiri kajian itu dengan pandangan bahawa sastera berbentuk picisan, popular dan erotis itu digemari dan membanjiri budaya sastera. Namun, harapan beliau ialah gejala itu hanya sementara dan suatu masa nanti teks sastera yang sastera itu dicari-cari ialah masyarakat kita (Ibid.: 35).

2.4.5 Kajian Rahman Shaari

Hasil-hasil kajian oleh Rahman Shaari yang berkaitan dengan penyelidikan ini hanya dua buah (1989 dan 1990).

Yang pertama ialah artikel ¹ (1989) yang berjudul "Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa". Dalam artikel itu, beliau memberikan rasional penggunaan bahan

¹ Artikel ini ialah artikel yang telah diubahsuai daripada kertas kerja Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Pertama, 1988 yang dibentangkan di Institut Bahasa Kuala Lumpur yang bertajuk "Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa".

sastera dalam pendidikan bahasa. Pertama, kesusasteraan ialah bentuk karya yang menggunakan bahasa secara yang terbaik. Katanya, walaupun laras bahasa sastera merupakan salah satu daripada sejumlah laras bahasa, namun jika bahan yang dipilih itu berupa karya atau sebahagian daripada karya sastera yang bermutu, maka bahasanya terjamin, terutama dari sudut keindahannya.

Kedua, bahan sastera memiliki daya tarikan yang dapat menubuhkan dan mengekalkan minat membaca. Jelasnya, hal itu disebabkan oleh sifat karya sastera itu sendiri yang selalunya memiliki ciri-ciri menghibur. Bahkan katanya, karya sastera yang bercorak cereka mengandungi plot yang dapat memikat hati pembaca untuk terus menatapnya. Dengan itu katanya lagi, bahan bacaan yang berupa petikan, bukan sahaja akan menyebabkan pelajar gemar menatapnya, malah menyebabkan mereka mencari karya asal yang lengkap bagi menyambung pembacaannya (Rahman Shaari, 1989: 4).

Dalam artikel itu, beliau menyarankan agar pemilihan bahan disandarkan pada mutu karya kerana pemilihan yang sewenang-wenang tidak akan membawa murid ke arah apresiasi sastera. Bahkan beliau berpendapat bahawa sajak-sajak Usman Awang seperti *Pak Utih*, *Gadis di Kuburan*, *Suara dari Pusara*, *Merpati*

Putih Jelajahilah Dunia ini dan beberapa buah puisi lagi hendaklah dipilih untuk diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Tegasnya, karya-karya lain ialah *Penjual Bunga* dan *Di Kubur Chairil* oleh Muhammad Haji Salleh, *Alamku Yang Hijau* oleh Baha Zain, *Segala Telah Sedia* oleh Latiff Mohidin dan *Kubiarkan Kawanku Pergi* oleh Suhaimi Haji Muhammad. Jelasnya, judul-judul itu merupakan hanya sebahagian daripada ratusan judul yang boleh dipilih. Malah katanya, yang penting dalam pemilihan itu ialah penumpuan terhadap penggunaan bahasa dan kesesuaian isi (Ibid.: 2).

Di samping itu, beliau menjelaskan bahawa penggunaan bahasa dalam konteks itu harus dibezakan daripada gaya bahasa dan teknik keseluruhan karya. Jelasnya, gaya bahasa dan teknik yang melibatkan bentuk luaran dan dalaman ialah aspek sastera yang dikaji dalam pendidikan sastera. Katanya, dalam pendidikan bahasa, aspek gaya bahasa walaupun disentuh, tidak diberatkan seperti tinjauan stilistik dalam kajian sastera. Malah katanya, bahan sastera dalam pendidikan bahasa harus dibezakan daripada bahan sastera dalam pendidikan kesusasteraan, terutama dari segi ciri-ciri keindahannya yang dapat dirasa segera, dan isinya yang dapat difahami tanpa memerlukan kupasan yang mendalam. Ciri keindahan yang dapat dirasa segera ialah yang memiliki keindahan luaran seperti rentak, rima dan unsur-unsur bunyi seperti

asonansi dan aliterasi. Manakala ciri isi yang dapat difahami tanpa memerlukan kupasan yang mendalam ialah isi kandungan yang sederhana dari sudut pemikiran.

Beliau mengakhiri perbincangan tentang pemilihan bahan puisi moden ini dengan mengatakan bahawa sajak-sajak yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah sajak-sajak yang mempunyai mesej atau amanat. Katanya, mesej itu hendaklah disampaikan dengan gaya yang sederhana seperti yang ada pada keseluruhan sajak-sajak Usman Awang dan sajak-sajak lain yang tersebut.

Dalam artikel itu, beliau juga mengatakan bahawa dalam pengajaran cerpen dan novel dalam bahasa hendaklah sederhana sepertimana pengajaran sajak. Katanya, antara cerpen yang sesuai ialah cerpen-cerpen realisme Shahnnon Ahmad, cerpen-cerpen Keris Mas, cerpen-cerpen yang memuatkan hal-hal moral dan kemasyarakatan oleh Azizi Haji Abdullah, Baharuddin Kahar, Rejab F.I., S.Othman Kelantan dan beberapa orang lagi (Ibid.: 6).

Di samping itu, beliau turut menyarankan agar keupayaan murid dalam bidang penulisan kreatif patut dipupuk, di samping latihan menghayati karya dan kritikan sastera.

Dalam artikel itu, perkara terakhir yang dibincangkannya ialah pendekatan pengajaran. Secara ringkas, didapati beliau menerima kesemua pendekatan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu, iaitu *Pendekatan Berfokus*, *Pendekatan Mengalami-menghayati*, dan *Pendekatan Struktur* sebagai pendekatan yang sesuai juga dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Akhir sekali beliau merumuskan bahawa pengajaran sastera dalam pendidikan bahasa hendaklah menuju ke arah penghayatan dan penghargaan terhadap bahasa sastera. Katanya, guru hendaklah berusaha untuk menjayakan objektifnya melalui pemilihan karya yang bermutu dan sesuai dengan pencapaian pelajar. Tegasnya, karya-karya yang tidak bermutu, walaupun berada di dalam buku teks, hendaklah diketepikan. Malah katanya, bakat murid-murid yang mempunyai kecenderungan berkarya hendaklah dijaga dan dipupuk. Seterusnya, beliau berpendapat guru mesti mempunyai pendekatan pengajaran yang berkesan.

Kajian yang kedua oleh Rahman Shaari (1990) ialah yang berjudul "Penggunaan Puisi Dalam Pendidikan Bahasa". Kajian ini telah dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia di Institut Bahasa Kuala Lumpur. Dalam kertas kerja itu, beliau telah membataskannya kepada beberapa perkara.

Dalam kertas kerja itu, beliau telah mengupas persoalan tentang penggunaan bahan puisi dalam pengajaran bahasa, khususnya hubungan dengan puisi dengan tatabahasa. Katanya, di dalam pengajaran bahasa, guru tidak hanya mengajar bahasa yang baik dan gramatis, tetapi juga bahasa yang istimewa dan menarik seperti yang terdapat pada puisi. Katanya, puisi yang sesuai dikemukakan oleh guru ialah puisi yang tinggi tingkat kekomunikatifannya, iaitu pembaca tidak merasai kesulitan untuk memahaminya dan pemilihan kata, pembinaan baris dan rangkapnya dilaksanakan untuk menyatakan maksud (Rahman Shaari, 1990: 4-6).

Seterusnya, beliau mengatakan bahawa puisi tidak bercanggah dengan tatabahasa. Jelasnya, untuk melihat adanya tatabahasa di dalam puisi, pembaca terpaksa berusaha untuk membuat rekonstruksi. Malah katanya, dalam pengajaran bahasa, puisi yang wajar digunakan ialah puisi yang penyairnya tidak terlalu menggunakan *poetic license* kerana dengan berbuat demikian akan menyebabkan sesebuah sajak itu tidak komunikatif serta tidak sesuai untuk pendidikan bahasa.

Akhir sekali, beliau mengesyorkan agar guru bahasa menggunakan teknik mengajar yang tertentu seperti deklamasi, bacaan rapi, bersoal jawab dan melagukan puisi.

2.4.6 Kajian Taha Abd.Kadir

Kajian yang dilakukan oleh Taha Abd.Kadir (1990) ialah yang bertajuk "Penggunaan Bahan Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa/Kesusasteraan Melayu". Kajian beliau ini merupakan kertas kerja Seminar Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia yang diadakan di Institut Bahasa Kuala Lumpur.

Dalam kertas kerja itu, beliau mengatakan bahawa drama ialah sastera jenis cereka yang boleh dilihat dari dua dimensi, pertamanya drama sebagai sebuah hasil sastera kreatif dan keduanya drama sebagai suatu persembahan seni teater. Katanya, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, drama mempunyai unsur-unsur pendidikan yang diterapkan secara tidak langsung di samping sebagai alat hiburan.

Selain itu katanya, penggunaan drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat membantu murid-murid bercakap dengan intonasi yang betul, baik dan lancar, boleh berhujah atau memberi pendapat yang bernas, menemukan idea yang kritis, berupaya membuat tafsiran, penilaian dan rumusan. Malah katanya, bahan drama dapat membantu pelajar bagi menghasilkan penulisan kreatif seperti cernen, skrip, dan sebagainya (Taha Abd.Kadir, 1990: 3).

Bahkan katanya lagi, penggunaan bahan drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dirasakan amat baik kerana bukan sahaja dapat merangsang pelajar terus belajar malahan dapat menggalak mereka berfikir, bertindak dengan sewajarnya, boleh memberi dan menerima pandangan orang lain serta dapat memupuk semangat yakinkan diri sendiri dan berani tampil ke muka tanpa dibendung rasa malu atau segan.

Akhir sekali beliau mengesyorkan agar bahan sastera yang berbentuk drama ini dapat dihasilkan dalam bentuk rakaman video dan diedarkan ke sekolah-sekolah.

2.4.7 Kajian Othman Puteh

Kajian yang dilakukan oleh Othman Puteh (1990) ialah yang bertajuk "Pengukuran Dan Penilaian Bahan Sastera Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia". Kajian beliau itu telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Kesusasteraan Dalam Pendidikan Bahasa Malaysia di Institut Bahasa Kuala Lumpur. Dalam kertas kerja itu, beliau telah menyenaraikan beberapa kriteria bagi pemilihan bahan sastera yang sesuai dengan pendidikan Bahasa Melayu selaras dengan hasrat KBSM. Katanya, antara yang perlu diberi pertimbangan ialah bahasa, psikologi, latar budaya, dan gagasan.

Dalam bahasa, aspek-aspek yang patut dipertimbangkan ialah kosa kata, diksi, struktur ayat, tatabahasa, bahasa figuratif, hubungan antara satu sama lain, dan keseluruhannya dengan suasana.

Dari segi psikologi pula, beliau menyarankan pertimbangan dalam menentukan kriteria haruslah dilihat dari segi peringkat usia. Misalnya pada usia 12 hingga 15 tahun, remaja peringkat ini gemar cerita-cerita kepahlawanan atau pengembaraan dan cerita fantasi mulai berkurangan. Manakala usia 15 hingga 17 tahun, remaja peringkat ini sudah menolak cerita fantasi, sebaliknya yang diminati ialah cerita yang benar atau yang "real". Malah katanya, golongan itu akan mulai berusaha untuk menemukan sesuatu dan bersedia pula menghadapinya serta memaham fenomena hidup. Peringkat yang terakhir yang dikemukakan ialah peringkat usia 18 hingga 20 tahun. Jelasnya, remaja pada peringkat ini sudah bersedia menghadapi segala kemungkinan dengan kematangan daya fikiran. Bahkan, mereka sudah dapat menerima dan mempertimbangkan hal-hal yang konkrit dan abstrak dengan sewajarnya.

Latar budaya yang dimaksudkannya ialah latar budaya yang melibatkan masyarakat dalam karya sastera. Katanya, walaupun dalam situasi tertentu pelajar

terpaksa berhadapan dengan bahan sastera yang agak asing seperti jarak waktu tetapi menjadi peranan guru untuk menyedarkan mereka bahawa yang itu masih tidak terpisah, malah masih berada dalam lingkungan budaya (Othman Puteh, 1990: 8-9).

Aspek gagasan yang dimaksudkannya ialah yang merujuk genre sastera itu sendiri dengan penekanan kepada tema atau mesej yang terungkap dan yang ingin disampaikan kepada pembaca. Tegasnya, tema harus jelas dan berupaya mengisi keperluan dan hasrat falsafah pendidikan itu sendiri. Malahan katanya, oleh sebab itu, soal moral, nilai-nilai murni, bersikap optimis, positif, rasional, bijaksana atau bersamaan dengannya harus mendapat pertimbangan utama.

Seperkara lagi yang disentuhnya ialah yang berhubung dengan senarai bahan bacaan sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu yang tersenarai mengikut tingkatan I hingga V. Katanya, sebahagian besar bahan yang terpilih telah memenuhi keperluan dan hasrat serta Falsafah Pendidikan Negara.

Akhirnya, antara saranan beliau dalam kertas kerja itu ialah kita memerlukan beberapa buah lagi buku klasik asli dan klasik yang dipermudahkan, dan bahan-bahan genre drama dan puisi wajar ditambah.

2.4.8 Kajian Jeniri Amir

Kajian yang dilakukan oleh Jeniri Amir (1988) ialah yang bertajuk "Strategi Penggunaan Bahan Sastera - Bahasa Malaysia KBSM". Dalam kajian itu, antara kriteria yang disarankan untuk pemilihan bahan sastera yang paling sesuai ialah tema, persoalan, bahasa, struktur dan ilustrasi. Ditegaskannya bahawa dari segi tema, bahan yang dipilih itu hendaklah memenuhi keperluan psikologi dan intelek pelajar serta mempunyai hubungan dengan kehidupan sebenar mereka, iaitu pengalaman yang menyeronokkan dan yang menghibur pelajar.

Selain itu katanya, bahasa yang diambilkira ialah bahasa yang dalam lingkungan pemahaman dan pengalaman pelajar. Demikianlah halnya dengan struktur atau plot bahan sastera yang dipilih itu mestilah mudah dan tidak yang terlalu kompleks, dan yang mempunyai ketegangan yang dapat menawan minat pelajar.

Akhirnya dalam kajian itu, beliau telah menyimpulkan bahawa kejayaan dan keberkesanan pelajaran yang menggunakan bahan sastera seperti pelajaran-pelajaran lain banyak bergantung kepada kesesuaian isi pelajaran, bentuk bahan, alat pengajaran, perancangan guru, aktiviti yang dijalankan

dan penglibatan serta interaksi pelajar. Tegasnya, guru hendaklah berusaha sedaya upaya untuk melibatkan pelajar semaksimum mungkin, serta soalan yang dikemukakan hendaklah yang mencabar dan yang sesuai, di samping kaedah yang digunakan dipelbagaikan. Malah katanya, teknik penyoalan yang betul dan kaedah yang pelbagai akan mengelakkan kebosanan. Seterusnya beliau menyarankan guru perlu menyedari hakikat bahawa aspek nilai murni dan tatabahasa perlu diserapkan dan digabungjalinkan melalui penggunaan bahan bacaan sastera yang digunakan.

2.4.9 Kajian Som Hj.Nor

Kajian yang dilakukan oleh Som Hj.Nor (1989) ialah yang bertajuk "Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Di Sekolah-sekolah". Kajian beliau ini telah dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-2 yang telah berlangsung di Institut Bahasa Kuala Lumpur.

Dalam kertas kerja itu beliau mengatakan bahawa dalam pendidikan bahasa, teknik drama jika dirancang dan dilaksanakan dengan teliti sudah tentu dapat menjadikannya sesuatu yang menveronokan, bermakna dan berkesan. Oleh itu katanya, gurulah yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

2.5 Kajian Luar Yang Hampir Berkaitan

Kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di luar negara Malaysia memanglah belum ada. Walau bagaimanapun, kajian yang hampir berkaitan dan banyak dilakukan adalah tentang keberkesanan bahan sastera dalam pengajaran bahasa.

Antara kajian yang menarik ialah yang dilakukan oleh Arminstead, P.(1972) yang berjudul *English in the Middle Years*.

Dalam kajian itu, beliau mendapati bahawa penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa dapat mendorong para pelajarnya memberi tumpuan terhadap kelainan-kelainan fonologi, leksikon, morfologi dan sintaksis (Arminstead, 1972: 58). Selain itu tegasnya, beliau mendapati bahawa di samping pelajarnya dapat mempelajari bahasa, bahan sastera telah dapat memberikan mesej yang menggambarkan pengalaman dan kehidupan yang sebenar.

Di samping itu, melalui beberapa kajian yang lain telah didapati bahawa bahan sastera merupakan bahan bahasa yang berkesan dan banyak memberi faedah terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bahkan

dengan tegas telah dijelaskan bahawa bahan sastera berupaya untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar serta dapat menambahkan pengetahuan linguistik pelajar (Du Ruiqing, 1986; John, 1986; dan Shabka, 1987).

Dalam proses memilih bahan yang baik dan sesuai, guru-guru bahasa perlulah mematuhi beberapa kriteria yang ditetapkan. Oleh itu, untuk membuat pemilihan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, guru-guru perlulah menguasai beberapa perkara dalam bidang sastera kerana kriteria itu penting bagi mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan (Brumfit dan Carter, 1986: 15).

Di samping itu, antara lain disyorkan agar guru bahasa sewajarnya peka dan faham bahawa pemilihan bahan sastera itu dibuat dengan teliti dan dijalankan dengan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang dapat menimbulkan perasaan seronok di kalangan pelajar, seperti melalui aktiviti berkumpulan (Joanne Collie dan Stephen Slater, 1987: 15).

Akhir sekali, bahan sastera yang menepati kriteria pemilihan yang sesuai akan memahirkan pelajar dalam kemahiran penulisan (Neil, 1987; Peck, 1989; dan Everts, 1990).

2.6 Rumusan

Hasil-hasil kajian oleh Mhd Amin Arshad (1988 dan 1990), Roshani Abdullah (1992), Normah Hj.Karimin (1994), Mohd.Kasim Ismail (1990, 1991, dan 1995), Safiah Osman (1990), Ahmad Othman (1990), Abd.Rahman Hanafiah (1990), Rahman Shaari (1989 dan 1990), Taha Abd.Kadir (1990), Othman Puteh (1990), Jeniri Amir (1988), dan Som Hj.Nor (1989) khususnya dan kajian di luar negara amnya itu ialah kajian yang berkaitan dengan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Daripada kajian-kajian tersebut, didapati ada beberapa perkara yang menarik hati untuk disimpulkan. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Mhd Amin Arshad (1988) itu didapati kenyataannya boleh mengelirukan pembaca. Mula-mula beliau menegaskan bahawa kajiannya itu mendapati wujudnya masalah ketidaksetaraan tujuan penggunaan bahan KM di kalangan guru (Mhd Amin Arshad, 1988: 88). Selepas itu dinyatakan pula seperti berikut:

"Keadaan yang berlaku ini mungkin disebabkan guru menggunakan bahan tersebut untuk mempelbagaikan bahan pengajaran sahaja seperti yang disarankan dalam sukatan pelajaran BM."

(Ibid.: 89)

Sehubungan itu, saya berpendapat bahawa tujuan penggunaan bahan KM dalam pengajaran BM yang tidak setara atau yang berbeza-beza atau yang berbagai-bagai di kalangan guru bukan merupakan masalah. Sebaliknya saya berkeyakinan tujuan guru berbuat demikian adalah untuk mencapai strategi pengajaran dan pembelajaran serta untuk memenuhi matlamat dan objektif pendidikan BM (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan IV KBSM, 1992: 1-5).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Roshani Abdullah (1992) didapati data yang dikemukakanannya ada yang tidak tepat dan boleh menimbulkan kekeliruan, iaitu:

"... 60% daripada guru tersebut berpendapat pengajaran bahan kesusasteraan bertujuan untuk pengayaan dan penukuhan kemahiran bahasa pelajar, 21% berpendapat untuk mempelbagai bahan pengajaran, 17% berpendapat untuk apresiasi dan penikmatan, manakala 1% menyatakan bahan kesusasteraan digunakan untuk melatih pelajar membaca, memahami dan menulis."

(Roshani Abdullah, 1992: 42)

Kalaulah dicampur kesemua peratus yang ada, maka jumlah yang diperolehi ialah sebanyak 99% ($60\% + 21\% + 17\% + 1\% = 99\%$) sahaja. Maklumat yang tepat ialah $60\% + 21.9 + 17.1\% + 1\% = 100\%$ (Mhd Amin Arshad, 1988: 88).

Hasil-hasil kajian oleh Mhd Amin Arshad (1988), Roshani Abdullah (1992), dan Normah Hj.Karimin (1994) secara kasarnya didapati mempunyai beberapa persamaan. Pertamanya, ketiga-tiga kajian ini menghasilkan lima bab, iaitu Bab I ialah pendahuluan atau pengenalan, Bab 2 ialah review penyelidikan yang berkaitan, Bab 3 ialah metodologi penyelidikan, Bab 4 pula ialah yang berkenaan dengan analisis data hasil kajian dan perbincangan. Manakala Bab 5, ialah bab tentang kesimpulan, implikasi dan cadangan.

Selain itu, secara umumnya ketiga-tiga kajian tersebut memaparkan metodologi kajian yang hampir sama, iaitu jenis tinjauan dan kajian yang dilakukan oleh Roshani Abdullah itu secara spesifiknya ialah kajian kes (1992: 51).

Akhir sekali unsur-unsur persamaan yang terkandung dalam ketiga-tiga kajian tersebut ialah kesemua kajian itu dijalankan di sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Mhd Amin Arshad (1988) itu didapati tidak dinyatakan sama ada kajiannya itu memfokuskan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu KLSM atau KBSM, sebagaimana yang telah ditegaskan dalam kajian oleh Roshani Abdullah (1992) dan Normah Hj.Karimin (1994),

iaitu memfokuskan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM.

Daripada kajian-kajian tersebut, didapati ada dua orang sarjana yang berbeza pendapat tentang pendekatan yang sesuai apabila menggunakan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam perkara ini saya sependapat dengan pendirian yang fleksibel oleh Rahman Shaari (1989), iaitu menerima kesemua pendekatan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai pendekatan yang sesuai juga dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, jika dibandingkan dengan pendapat oleh Mohd Kasim Ismail (1990, 1991, dan 1995) yang berpendirian sebaliknya.

Seperkara lagi yang menarik yang berhubung dengan hasil-hasil kajian oleh para sarjana tersebut ialah yang berkenaan dengan kriteria pemilihan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Daripada kajian-kajian tersebut dapatlah disimpulkan beberapa kriteria pemilihan bahan sastera yang wajar diambilkira, iaitu:

- i. Mutu dan latar budaya dalam karya.
- ii. Isi dan mesej yang sesuai dan mudah difahami.
- iii. Bahasa yang komunikatif, mudah difahami dan

- ada kepelbagaian kosa kata dan struktur ayat.
- iv. Minat, kebolehan dan peringkat usia pelajar.
 - v. Elakkan teks sastera yang bersifat *pop*, *ecotis*, *picisan*, *deviasi* dan *avant-garde*.
 - vi. Karya prosa yang memiliki ciri menahibur.
 - vii. Puisi yang tidak terlalu menggunakan *poetic liecene*.
 - viii. Tema karya yang jelas dan berupaya mengisi keperluan dan hasrat falsafah pendidikan negara serta mempunyai unsur nilai murni.

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan hasil kajian tersebut membincangkan kelebihan bahan sastera, sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Safiah Osman, Abd.Rahman Hanafiah dan Rahman Shaari. Dinyatakan bahawa bahan sastera jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain, terutamanya karangan biasa jenis fakta yang lebih mengutamakan kepadatan isi serta penggunaan bahasa yang tepat, kemas, dan betul dari segi tatabahasa, lebih berupaya untuk memperlihatkan penggunaan bahasa yang indah, lebih matang dan lebih imaginatif (Safiah Osman, 1990: 2). Demikianlah juga dalam bidang penulisan Bahasa Melayu kerana bahan sastera memiliki daya tarikan dan keindahan gaya bahasa (Rahman Shaari, 1990 : 3) serta banyak jenis karangan memerlukan stail sastera, seperti karangan jenis naratif, kreatif dan kritikan (Abd.Rahman Hanafiah, 1990: 18).